

# Surat terbuka kepada Dr Mahathir

BH - 3/5/2006

luas media massa.

Kini, percanggahan pendapat Tun dengan keputusan kerajaan berhubung jambatan indah bagi menggantikan Tambak Johor pula terus mendapat perhatian, tidak kira di dada akhbar atau menjadi topik hangat di Parlimen.

Hakikatnya, lebih lama Tun cuba menyangkal keputusan kerajaan ini atas nama menjaga maruah negara - lebih banyak persoalan yang timbul atas apakah alasan atau niat sebenar Tun berbuat demikian.

Sebagai rakyat biasa, saya tidak faham mengapa Tun beriya-ya benar inginkan sebuah jambatan yang hanya akan dibina di sebelah pihak. Apakah tindakan unilateral ini dapat menyelesaikan masalah kesesakan perjalanan keluar masuk rakyat Malaysia dan Singapura? Atau apakah ia hanya untuk menunjukkan yang kita boleh menang apabila kita bertekak lagi dengan negara jiran kita ini?

Adalah satu perkara yang tidak masuk akal bagi mana-mana kerajaan untuk membelanjakan sejumlah peruntukan wang yang amat besar hanya untuk mencapai "kemungkinan ego", yang mana ia hanya akan memalukan nama baik negara. Tidakkah kita akan hanya diketawa dunia sekiranya kita terus menghabiskan beratus-ratus juta ringgit untuk membina sebuah jambatan yang hanya mempunyai satu belah?

Yang pasti, kerajaan sekarang sudah tidak perlu lagi menghabiskan banyak masa dalam rundingannya dengan Singapura.

Kita boleh teruskan rundingan berhubung masalah bertindih yang lain dengan lebih profesional tanpa membabitkan sentimen politik yang hanya akan menimbulkan kemarahan rakyat di kedua-dua negara.

Tun mencetuskan idea pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor ini, sejak sepuluh tahun lalu. Jika Tun benar-benar inginkan jambatan bengkok ini dibina, mengapa tidak diteruskan saja pembinaannya ketika Tun masih menjadi Perdana Menteri? Mengapa mesti tunggu?

Tidakkah terlintas pada fikiran Tun bahawa Singapura kini ketawa berdekah-dekah menyaksikan perbalahan rakyat Malaysia yang dicetuskan sendiri oleh bekas Perdana Menteri? Maruah negara kita sememangnya dipijak Singapura kerana dengan gembira mereka menyaksikan perpecahan di kalangan kita sendiri terutama ahli-ahli Umno - siapa yang mahu disokong, Perdana Menteri sekarang atau bekas Perdana Menteri?

Mengapa perpaduan di antara rakyat yang perlu Tun korbakan hanya kerana perasaan tidak puas hati yang tidak boleh dipadamkan?

Sekali lagi Tun, sebagai seorang anak muda yang amat menyanjung dan mengasihi Tun, saya tidak faham apakah niat sebenar Tun melamparkan segala kritikan kepada kerajaan sekarang, yang akhirnya bukan saja menyusahkan rakyat tetapi juga akan membuka kelemahan Tun sendiri.

Bukankah lebih baik jika kita teruskan kehidupan kita dengan lebih produktif terutama dalam usaha negara menuju ke arah mencapai Wawasan 2020 - satu visi yang Tun tinggalkan kepada pucuk pimpinan sekarang, satu visi yang perlu dilaksanakan dengan betul demi kepentingan generasi akan datang.

**ALI IMRAN WAHAB,**  
Selayang, Selangor.

## Komen Dr Mahathir sekadar pendapat

BH - 4/5/2006

**S**AYA merujuk surat terbuka Ali Imran Wahab dari Selangor kepada Tun Dr Mahathir Mohamad. Pertama, saya berasa tidak wajar jika asas hujahan yang beliau gunakan tanpa menilai pokok persoalan, dihebahkan menerusi surat terbuka di akhbar, apa lagi ditunjukkan dan menyentuh seorang negarawan.

Jika hanya bersandarkan alasan bahawa komen Tun mengenai pembatalan Jambatan Indah dianggap sebagai campur tangan dalam pentadbiran, maka komen yang turut dikeluarkan pelbagai pihak lain, sama ada di pihak BBC atau pihak pembangkang, juga boleh dikatakan mencampuri dasar pentadbiran negara.

Pada saya, Tun hanya menjalankan tugasnya sebagai seorang warga Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi. Ali Imran juga tersalah fakta apabila menyatakan pada zaman Tun berkuasa, hanya berita mengenai apa yang Perdana Menteri berkata saja disiarkan.

Kita juga harus melihat institusi Parlimen yang mulia, dilihat pada masa kini cukup bebas, ligat dan vokal dengan pandangan dan hujahan Ahli Parlimen. Tetapi mana kualitinya, jika ruang ketelusan itu digunakan untuk membicarakan perihal 'tali leher', *bow tie* isu 'perempuan gatal', isu undi Akademi Fantasia dan beberapa isu murahan yang lain.

**SOBRI SUDIN,**  
Alor Star, Kedah.